

# Aktif di kampus, tuntut komitmen

➔ Bagi Petah Nur Alifah aktif dalam bidang kesukarelawan tidak bermakna pelajar gagal dalam akademik

**Oleh Nor Azma Laila**  
norazma@bh.com.my

**P**etah Nur Alifah

berkomunikasi seperti awan dan titik kerana perbezaan bahasa ketika mengikuti program sukarelawan di Laos tahun lalu menjadi antara kenangan yang tidak dapat dipisahkan pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Petah Nur Alifah Ilyana Abd Halid sepanjang bergiat aktif dalam bidang kesukarelawan.

Pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Perubatan) dengan Keupujian itu, mula bergiat aktif dalam bidang kesukarelawan sejak dari bangku sekolah lagi dan minat itu dikembangkannya lagi sehingga mampu menyertai pelbagai program sukarelawan di dalam dan luar negara. Tahun lalu, Petah Nur

Alifah Ilyana bekem-patan menyertai dua misi sukarelawan siswa-jahru di Miri, Sarawak pada Februari dan Laos pada September. Yang menandakan kenangan tersendiri dalam diri anak kelahiran Johor Bahru itu.

Berlalu berkata, ketika menyertai misi sukarelawan siswa di Laos, dia ditempatkan di rumah keluarga yang bergama Buddha bersama rakan peserta dari universiti di Laos.

"Di situ lah saya berdepan pelbagai cabaran termasuklah perlu meminta izin untuk mengagihkan soal serta masalah komunikasi kerana rakan semasa dan keluarga angkat tidak fasih berbahasa Inggeris, manakala saya pula tidak tahu berkomunikasi dalam bahasa Laos.

"Saya menggunakan pelbagai cara untuk berkomunikasi termasuklah isyarat tangan, lukisan dan aplikasi terjemahan yang ada dalam telefon

pintar. "Saya bertemua kasih kerana meskipun berbahasa dan budaya, mereka tetap melayan delegasi dari Malaysia dengan baik dan santun," katanya ketika ditemui BH Varsity, baru-baru ini.

**Pelajar cemerlang**

Sepanjang bergiat aktif dalam bidang kesukarelawan, anak bongsu dari pada tiga adik beradik itu pernah meraih beberapa anugerah pada peringkat PSA, termasuk Anugerah Kecemerlangan Pelajar PSA 2017 Kategori Sukarelawan (Komuniti), Anugerah Sukarelawan Terbaik (Perempuan) PSA 2017 dan Pingat Gangsa Anugerah Kecemerlangan Pelajar PSA 2016.

Selain bergiat aktif dalam bidang kesukarelawan, Petah Nur Alifah Ilyana juga bertanggungjawab sebagai Naib Yang Dipertua II Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) PSA 2018 sejak Januari lalu.

## personaliti

**profil**

**Petah Nur Alifah Ilyana Abd Halid**

- ➔ Tarikh lahir: 11 Januari 1996
- ➔ Tempat lahir: Johor Bahru
- ➔ Adik beradik: Anak bongsu daripada tiga adik beradik
- ➔ Program pengajian: Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Perubatan) dengan Keupujian
- ➔ Pencapaian:
  - Anugerah Kecemerlangan Pelajar PSA 2017 Kategori Sukarelawan (Komuniti)
  - Anugerah Sukarelawan Terbaik (Perempuan) PSA 2017
  - Pengerusi Kelab Sukarelawan PSA
  - Naib Yang Dipertua II Majlis Perwakilan Pelajar PSA 2018
  - Pingat Gangsa Anugerah Kecemerlangan Pelajar PSA 2016



FOTO RAIZ ANUAR / BH1

**Petah Nur Alifah** timba pelbagai pengalaman.

"Bidang kepemimpinan ini banyak mengajar saya untuk menjadi individu yang bijak menguruskan masa supaya akademik dan kokurikulum berjalan seiring.

"Saya tidak mahu orang menganggap pelajar yang bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti kokurikulum

ini adalah pelajar yang keengganan dan gagal mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan.

"Sudah tentunya, adaharaga yang perlu dibayar apabila seseorang pelajar itu memilih untuk bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti di dalam dan luar kampus," katanya